



04 MAR, 2026

Gen Z paling ramai hadir iftar di Masjid TNB

Sinar Harian, Malaysia



Gen Z paling ramai hadir iftar di Masjid TNB

KUALA LUMPUR - Kehadiran jemaah berbuka puasa di Balai Islam An-Nur, Ibu Pejabat Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Bangsar yang turut dikenali sebagai Masjid TNB meningkat ketara tahun ini dengan purata 4,000 orang sehari setakat minggu kedua Ramadan.

Ketua Operasi Program Ihya Ramadan TNB 2026, Mohd Qayyim Hafidzi berkata, hari pertama dan kedua berpuasa mencatat kunjungan 2,500 jemaah iaitu angka kemuncak yang direkodkan pada pertengahan Ramadan tahun lalu.

"Sebenarnya, pihak pengurusan membuat tempahan kira-kira 3,800 pek makanan untuk iftar setiap hari.

"Namun jumlah itu perlu ditambah berikutan kehadiran jemaah yang melebihi jangkaan termasuk untuk moreh," katanya ketika ditemui di kompleks berkenaan.

Menurut beliau, selain faktor kerohanian, masjid tersebut menerima maklum balas positif berkaitan sistem pengurusan juadah berbuka puasa yang profesional dengan tahap kebersihan serta keharuman ruang yang terjaga rapi.

Kompleks Balai Islam An-Nur yang mula digunakan pada 26 Ogos 2019 itu dilengkapi lif dan tiga ruang solat dengan kapasiti keseluruhan 2,850 jemaah.



Mahasiswa dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, (depan dari kanan) Muhammad Haziq Danish, 19; Ahmad Azizul Ashraff, 19 dan Wan Ahmad Nasrallah, 19 hadir berbuka puasa buat kali pertama di Balai Islam An-Nur TNB.



MOHD QAYYIM



KU SITI NUR DANEA

Dari sudut teknikal, ia dilengkapi sistem penuaian air hujan melalui tangki berkapasiti 184 meter padu untuk kegunaan wuduk, sistem perpaipan aliran rendah bagi penjimatan air serta penggunaan mentol jimat tenaga.

Gabungan faktor spiritual, pengurusan efisien dan pendekatan mesra generasi muda menjadikannya pilihan orang ramai terutama generasi Z sebagai lokasi utama iftar bersama keluarga serta rakan.

Data berkenaan diperoleh berdasarkan papan banciaan yang

diletakkan di pintu utama kompleks bagi membolehkan jemaah menandakan kehadiran mengikut kategori umur.

Golongan Gen Z berusia 13 hingga 28 tahun mendahului dengan jumlah pelekak paling banyak, diikuti generasi Y dan Alpha.

Bagi mahasiswa Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dengkil, Ku Siti Nur Danea Ku Azman, 19, program yang disediakan bukan sekadar berbuka puasa, malah turut diisi dengan pengisian yang mengeratkan ukhuwah.